

10

PEMBATALAN AMAL

oleh USTAZ RASUL BIN DAHRI





10 PEMBATALAN AMAL

Cetakan Pertama Disember 2009
Bersamaan Muharam 1431 H

Penulis
UST. RASUL BIN DAHRI

Reka Bentuk Kulit
MOHD ZULHUSMI QARIE

Reka Letak Teks
UST. RASUL BIN DAHRI

Diterbitkan oleh :
SYARIKAT UMMUL QURA SDN. BHD.
(Co. Reg. No. 320640-U)
41, Jalan Bunga Raya Besar,
Majidi Baru, 81100 Johor Bahru, Johor.
Tel : (607) 3353635 H/P : (6019) 7783635
Website: http//:www.rasuldahri.com

Dicetak oleh :
PERCETAKAN BUMI RESTU SDN. BHD.
41 & 43, Jalan Permas 9/12, Bandar Baru Permas Jaya,
81750 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Tel : +6 07 388 4000 Fax : +6 07 386 3000

Daftar Isi

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

MUKADDIMAH

إِنَّ الْحَمْدَ للهِ ، نَحْمَدَهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ . وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ .

{ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُّسْلِمُوْنَ }.

"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu sekalian kepada Allah dengan sebenar-benar takwa kepada-Nya, dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam!" (QS. ALI IMRAN 3:102)

{ يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيْرًا

وَنِسَآءً وَاتَّقُوْا اللهَ الَّذِيْ تَسَآءَلُوْنَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا }.

"Hai sekalian manusia, bertakwalah kamu kepada Rabbmu yang telah menciptakan kamu dari yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan isterimu, dan dari keduanya Allah memperkembang-biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak! Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu." (QS. AN-NISAA 4:1)

يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا . يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا.

"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar, nescaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu! Dan barangsiapa mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar." (QS. AL-AHZAB, 33:70-71)

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيْثِ كِتَابُ اللهِ ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الْأُمُوْرِ مُحْدَثَاتُهَا ،فَإِنَّ وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ ، وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِى النَّارِ.

Amma ba'du: "Sesungguhnya sebenar-benar perkataan adalah Kitabullah (al-Quran) dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad sallallahu 'alaihi wa-sallam (as-Sunnah). Seburuk-buruk perkara adalah perkara yang diada-adakan (dalam agama), setiap yang diada-adakan (dalam agama) adalah bid'ah, setiap bid'ah adalah sesat, dan setiap kesesatan tempatnya di neraka".

Sesungguhnya kemantapan akidah seseorang itu tidak ada yang dapat dipastikan tetap terpelihara dan tetap tidak tergugat, kecuali atas rahmat dan hidayah Allah. Setelah itu disertai dengan usaha oleh seseorang individu muslim untuk menghindarkan perkataan, menjauhkan perbuatan dan memelihara akidah agar tidak membatalkan keIslamannya. Tujuan dan matlamat untuk menyelamatkan akidah tidaklah dapat dicapai kecuali dengan adanya ilmu sehingga dapat mengetahui apa sebenarnya perkara-perkara

yang boleh membatalkan keIslaman seseorang muslim.

Oleh kerana itu, kutaiyib (kitab kecil ini) yang ditampilkan ke hadapan para pelajar yang ikhlas khususnya agar ianya dijadikan sebagai buku kajian atau rujukan. Kutaiyib ini juga telah dipilih sebagai kutaiyib pilihan untuk dibedah (dikuliahkan) pada daurah ilmiyah di Woodlands Point, Singapura. Kutaiyib ini menjelaskan secara ilmiyah dan lebih berkesan dalam menjelaskan beberapa hal yang boleh membatalkan keIslaman seorang muslim. Dipadatkan dengan dalil-dalil al-Quran dan hadis-hadis yang sahih. Kutaiyib yang dihasilkan oleh al-Allamah Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab al-Washabi al-'Abdali al-Yamani *hafizhahullah* ini, sengaja penulis (Ust. Rasul bin Dahri) terjemahkan agar dimanfaatkan oleh masyarakat yang berbahasa Melayu, yang ianya juga merupakan nukilan dari salah satu bab dari kitab *al-Qaul al-Mufiid fii Adillatit Tauhid*, iaitu bab *Nawaaqidul Islam 'Asyrah*.

Kitab ini telah disemak, dikoreksi dan diberi pengantar oleh tujuh ulama besar dari negeri Yaman. Mereka itu ialah:

1. Syeikh Ahmad bin Ahmad Salamah.
2. Syeikh Muhammad bin Sa'id asy-Syaibani.
3. Syeikh Muhammad bin 'Ali tah-Thusi, Muhadits.

4. Syeikh Muqbil bin Hadi *rahimahullah*.
5. Syeikh Muhammad bin Ismail.
6. Syeikh Abdullah al-Wazhzhaf dan
7. Syeikh Ahmad bin Yahya an-Najmi.

Mudah-mudahan dengan pembedahan kutaiyib ini, yang diberi judul: SEPULUH PEMBATAL KEISLAMAN akan dijadikan rujukan untuk menyemak akidah atau pegangan seseorang agar sentiasa mengikuti manhaj Salaf as-Soleh dan memeliharanya dari terpesong.

Mudah-mudahan dengan apa yang telah dipersembahkan dalam kutaiyib ini mampu memelihara perkataan, perbuatan dan keyakinan kita terhadap syariat Allah *'Azza wa-Jalla.* Hanya kepada Allah *'Azza wa-Jalla* kita sekalian memohon agar Dia menjadikan kita mukmin yang bersama Ahli Sunnah wal-Jamaah dan sentiasa di atas manhaj yang selamat, iaitu manhaj Salaf as-Soleh. Seluruh kesyukuran kita panjatkan kepada Allah *Ta'ala*, salawat dan salam kepada Nabi kita Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* beserta keluarganya, para Sahabatnya dan orang-orang yang mengikuti mereka hingga kehari Akhir.

Diterjemah & Diulas oleh:
Ust. Rasul bin Dahri.
Johor, Malaysia.






PEMBATALAN PERTAMA






Pembatal Pertama

Pembatalan keIslaman atau akidah seseorang hamba Allah berpunca kerana melakukan penyekutukan terhadap Allah *'Azza wa-Jalla* (berbuat syirik dalam ibadah dan akidah).

Iaitu orang-orang yang menjadikan Allah *'Azza wa-Jalla* sekutu dalam beribadah dan menyembah-Nya, menggunakan dan mengangkat terutamanya makhluk-makhluk di alam ghaib sebagai perantara antaranya dengan Allah, mereka berdoa kepada sekutu-sekutu tersebut, memohon syafaat, bertawakal dan beristighasah kepadanya.

Ada antara mereka yang bernazar dengan berbagai-bagai jensi nazar kepada sekutu-sekutu tersebut, iaitu dengan menyembelih binatang sembelihan (dengan menyebut nama-nama selain nama Allah dan menyeru sekutu-sekutu tersebut ketika menyembelih) untuk dipersembahkan kepada sekutu yang dijadikan wasilah (perantara). Iaitu dengan menyakini bahawa mereka dan para sembahan selain Allah itu dapat menolak bahaya atau dapat mendatangkan manfaat, maka dengan perbuatan tersebut mereka telah kafir kerana telah batal akidah dan keIslamannya.

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

إِنَّ اللهَ لاَ يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُوْنَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَآءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللهِ فَقَدِ افْتَرَى إِثْمًا عَظِيْمًا.

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik dan Dia mengampuni segala dosa selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa mempersekutukan Allah, maka sesungguhnya ia telah berbuat dosa yang besar". (QS. AN-NISAA, 4:48).

إِنَّ اللهَ لاَ يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُوْنَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَآءُ وَمَنْ يَشْرِكْ بِاللهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلاَلاً بَعِيْدًا.

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa mempersekutukan (sesuatu) dengan Dia (syirik), dan Dia akan mengampuni dosa selain dari syirik bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Barangsiapa yang mempersekutukan (sesuatu) dengan Allah, maka sesungguhnya ia telah tersesat sejauh-jauhnya". (QS. AN-NISAA, 4:116).

Dan Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* juga berfirman mengkhabarkan bahawa Allah

mengharamkan syurga kepada sesiapa yang menyekutukan-Nya dengan sesuatu:

إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِيْنَ مِنْ أَنْصَارِ.

"Sesungguhnya, barangsiapa yang mempersekutukan (sesuatu dengan) Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya syurga, dan tempatnya ialah neraka, tidaklah ada bagi orang-orang zalim itu seorang penolong pun". (QS. AL-MAIDAH, 5:72).

إِنَّ الَّذِيْنَ كَفَرُوْا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِيْنَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِيْنَ فِيْهَا أُوْلَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ.

"Sesungguhnya orang-orang kafir dari Ahli al-Kitab dan juga orang-orang musyrikin akan dihumban ke dalam neraka jahanam mereka kekal di dalamnya. Mereka itu adalah seburuk-buruk makhluk". (QS. AL-BAIYINAH, 98:6).

مَنْ لَقِيَ اللهَ لاَ يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا دَخَلَ الْجَنَّةَ ، وَمَنْ لَقِيَهُ يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا دَخَلَ النَّارَ.

"Barangsiapa yang menemui Allah dalam keadaan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu, maka dia akan masuk syurga. Barangsiapa yang menemui Allah dalam keadaan melakukan kesyirikan (menyekutukan-Nya) dengan sesuatu, dia akan dimasukkan ke neraka". Hadis riwayat al-Bukhari no.126, al-Ilm. Muslim no. 136 al-Iman dan Ahmad dalam Musnad no. 13964.

مَنْ مَاتَ وَهُوَ يَدْعُوْ مِنْ دُوْنِ اللهِ نِدًّا دَخَلَ النَّارَ.

"Barangsiapa meninggal dunia sementara dia menyeru kepada tandingan selain Allah (syirik), maka dia masuk neraka". Hadis riwayat al-Bukhari.

إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيْمٌ

"Sesungguhnya barangsiapa yang mempersekutukan (Allah) itu adalah benar-benar kezaliman yang besar". (QS. LUQMAN, 31:13).

اَلَّذِيْنَ ءَامَنُوْا وَلَمْ يَلْبِسُوْا إِيْمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُوْلَئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُّهْتَدُوْنَ.

"Orang-orang yang beriman dan tidak mencampurkan-adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat rasa aman dan mereka mendapat petunjuk". (QS. AL-AN'AM, 6:82).

وَلَوْ أَشْرَكُوْا لَحَبِطَ عَنْهُمْ مذَا كَانُوْا يَعْمَلُوْنَ.

"Seandainya mereka mempersekutukan Allah, pasti lenyaplah dari mereka amalan yang telah mereka kerjakan". (QS. AL-AN'AM, 6:88).

وَلَقَدْ أُوْحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُوْنَنَّ مِنَ الْخَاسِرِيْنَ.

"Dan telah diwahyukan kepadamu dan kepada (para Nabi dan Rasul) yang sebelummu: Jika kamu mempersekutukan Allah (syirik terhadap Allah), nescaya akan hapuslah amalanmu dan tentulah kamu termasuk orang-orang yang merugi". (QS. AZ-ZUMAR, 39:65).

Termasuk orang yang dibatalkan amalannya ialah orang-orang murtad, kafir,

dan orang-orang munafik selain orang yang syirik (menyekutukan Allah).

Firman Allah *Ta'ala*:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِيْنِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُوْلَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُوْلَئِكَ هُمْ فِيْهَا خَالِدُوْنَ.

"Barangsiapa antara kamu yang murtad dari agamanya lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya". (QS. AL-BAQARAH, 2:217).

Dalil-dalil di atas ini menunjukkan bahawa Allah tidak mengampunkan dosa orang yang melakukan kesyirikan jika ia mati tidak bertaubat dari kesyirikannya. Dan Allah juga mengharamkan syurga kepada pembuat syirik.






PEMBATALAN KEDUA






Pembatal Kedua

Berpaling dari kebenaran agama Islam dengan mengangkat (memilih) agama atau ideologi pemikiran yang lain. Lebih meyakini agama selain agama Islam, sama ada agama Yahudi, Nasrani atau Majusi. Meyakini kebenaran beberapa fahaman seperti ideologi (fahaman) Komunisma, Sekularisma, Masunisma, Baats atau selain dari agama dan fahaman yang berupa berbagai ideologi yang nyata membawa kepada kekufuran yang membatalkan akidah.

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* telah berfirman:

يَسْئَلُوْنَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيْهِ قُلْ قِتَالٌ فِيْهِ
كَبِيْرٌ وَصَدٌّ عَنْ سَبِيْلِ اللهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ
الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ أَكْبَرُ عِنْدَ اللهِ وَالْفِتْنَةُ
أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ وَلاَ يَزَالُوْنَ يُقَاتِلُوْنَكُمْ حَتَّى يَرُدُّكُمْ
عَنْ دِيْنِكُمْ إِنِ اسْتَطَاعُوْا وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ
دِيْنِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُوْلَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِى

الدُّنْيَا وَالْأَخِرَةِ وَأُوْلَئِكَ أَصْحَابُ النَارِ هُمْ فِيْهَا خَالِدُوْنَ.

"Mereka tidak henti-henti memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka sanggup. Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu mereka mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya". (QS. AL-BAQARAH. 2:217).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَنْ دِيْنِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّوْنَهُ أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِيْنَ أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِيْنَ يُجَاهِدُوْنَ فِي سَبِيْلِ اللهِ وَلاَ يَخَافُوْنَ لَوْمَةَ لآئِمٍ ذَلِكَ فَضْلُ اللهِ يُؤْتِيْهِ مَنْ يَشَآءُ وَاللهُ وَاسِعٌ عَلِيْمٌ.

"Hai orang-orang yang beriman, barangsiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan

mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka pun mencintai-Nya! Yang bersikap lemah lembut terhadap orang-orang mukmin, bersikap keras terhadap orang-orang kafir, yang berjihad di jalan Allah, dan yang tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela. Itulah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Mahaluas (pemberian-Nya) lagi Maha Mengetahui." (QS. AL-MAIDAH, 5:54)

Orang-orang yang telah dibatalkan oleh Allah keIslamannya kerana meninggalkan Islam kemudian mengambil fahaman-fahaman yang lain atau mencampur-adukkan Islam dengan ideologi yang lain, maka ia telah keluar dari millah Islamiyah.

Amatlah malang nasib mereka yang dibatalkan amalannya dan tidak tahu bagaimana untuk bertaubat sebelum menghadapi kematian, kerana sebelum menghadapi alam akhirat iaitu diambang kematian (semasa didatangi oleh malaikat maut) mereka akan ditimpakan azab. Dan diYaumulhisab (dihari perhitungan) Allah akan membatalkan segala amal-amal kebaikan yang telah mereka kerjakan di dunia (kerana keIslaman mereka telah dibatalkan).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

إِنَّ الَّذِيْنَ ارْتَدُّوْا عَلَى أَدْبَرِهِمْ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْهُدَى الشَّيْطَانُ سَوَّلَ لَهُمْ وَأَمْلَى لَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوْا لِلَّذِيْنَ كَرِهُوْا مَا نَزَّلَ اللهُ سَنُطِيْعُكُمْ فِي بَعْضِ الْأَمْرِ وَاللهُ يَعْلَمُ إِسْرَارَهُمْ فَكَيْفَ إِذَا تَوَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ يَضْرِبُوْنَ وَجُوْهَهُمْ وَأَدْبَارَهُمْ . ذَلِكَ بِأَنَّهُمُ اتَّبَعُوْا مَآأَسْخَطَ اللهُ وَكَرِهُوْا رِضْوَانَهُ فَأَحْبَطَ أَعْمَالَهُمْ .أَمْ حَسِبَ الَّذِيْنَ فِي قُلُوْبِهِمْ مَّرَضٌ أَنْ لَّنْ يُخْرِجَ اللهُ أَضْغَانَهُمْ . وَلَوْ نَشَآءُ لَأَرَيْنَاكُمْ فَلَعَرَفْتَهُمْ بِسِيْمَاهُمْ وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِي لِحْنِ الْقَوْلِ وَاللهُ يَعْلَمُ أَعْمَالَهُمْ.

"Sesungguhnya orang-orang yang kembali ke belakang (kepada kekafiran) sesudah petunjuk itu jelas bagi mereka, syaitan telah menjadikan mereka mudah (berbuat dosa) dan memanjangkan angan-angan mereka. Yang demikian itu kerana sesungguhnya mereka (orang-orang munafik) itu berkata kepada orang-orang yang benci kepada apa yang diturunkan Allah (orang-orang Yahudi), 'Kami akan mematuhi kamu dalam beberapa urusan,'

sedang Allah mengetahui rahsia mereka. Bagaimanakah (keadaan mereka) apabila Malaikat (maut) mencabut nyawa mereka seraya memukul muka mereka dan punggung mereka? Yang demikian itu kerana sesungguhnya mereka mengikuti apa yang menimbulkan kemurkaan Allah dan (kerana) mereka membenci (apa yang menimbulkan) keredaan-Nya, sebab itu Allah menghapus (pahala) amal-amal mereka. Atau apakah orang-orang yang ada penyakit dalam hatinya mengira bahawa Allah tidak akan menampakkan kedengkian mereka Dan kalau Kami menghendaki, nescaya Kami tunjukkan mereka kepadamu sehingga kamu benar-benar dapat mengenal mereka dengan tanda-tandanya. Dan kamu benar-benar akan mengenal mereka dari kiasan-kiasan perkataan mereka dan Allah mengetahui perbuatan-perbuatan kamu". (QS. MUHAMMAD, 25:30).

Dan Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman tentang pembatalan amalan mereka berpunca dari terbatalnya keIslaman mereka semasa di dunia. Allah berfirman:

وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيْمَانِ فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْأَخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِيْنَ.

"Barangsiapa yang kafir sesudah beriman (tidak menerima hukum-hukum Islam) maka hapuslah amalannya dan di akhirat ia termasuk orang-orang yang merugi". (QS. AL-MAIDAH, 5:5).

Dari Ibnu Abbas *radiallahu 'anhu*, dia berkata, Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

مَنْ بَدَّلَ دِيْنَهُ فَاقْتُلُوْهُ.

'Barangsiapa yang mengganti agamanya (murtad), maka bunuhlah dia". Hadis riwayat Al-Bukhari no. 2854.

Dari Abdullah bin Masoud *radiallahu 'anhu*, dia berkata, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

لاَ يَحِلُّ دَمُ امْرِىءٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنِّيْ رَسُوْلُ اللهِ إِلاَّ بِإِحْدَى ثَلاَثٍ : الثَّيِّبُ الزَّانِيْ وَالنَّفْسُ بَالنَّفْسِ وَالتَّارِكُ لِدِيْنِهِ الْمُفَارِقُ لِلْجَمَاعَةِ.

"Tidak halal darah seorang muslim yang bersaksi bahawa tidak ada ilah yang berhak diibadahi dengan benar kecuali Allah

dan aku adalah hamba dan utusan-Nya, kecuali dengan salah satu dari tiga perkara: orang yang sudah menikah secara rasmi yang berzina, orang yang membunuh jiwa seseorang, orang yang keluar dari agamanya, yang memisahkan diri dari jamaah kaum muslimin". Hadis Riwayat al-Bukhari no. 6484 dan Muslim no. 1676.

Seseorang yang mengakui sebagai seorang yang beriman hanya akan diakui kebenaran iman atau akidahnya setelah benar-benar menyerahkan dirinya kepada Islam dengan sepenuhnya. Kerana pengertian Islam ialah:

اَلْإِسْلاَمُ : اَلْإِسْتِسْلاَمُ لله بَالتَّوْحِيْدِ ، وَالْإِنْقِيَادُ لَهُ بِالطَّاعَةِ ، وَالْبَرَاءَةُ مِنَ الشِرْكِ وَأَهْلِهِ.

"Islam adalah berserah diri kepada Allah dengan mentauhidkan-Nya, tunduk dan patuh kepada-Nya dengan ketaatan dan berlepas diri dari perbuatan syirik dan para pelakunya".

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* telah menyeru agar orang-orang beriman masuk ke dalam secara keseluruhannya. Dilarang keluar dari Islam dengan mengikuti langkah-langkah syaitan.

Allah *Ta'ala* berfirman:

يَأَ أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا ادْخُلُوْا فِى السِّلْمِ كَآفَّةً وَلاَ تَتَّبِعُوْا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِيْنَ.

"Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu". (QS. AL-BAQARAH, 2;208).

Sesiapa sahaja yang mengambil, menganut, percaya kepada selain agama Islam maka dia akan mendapat kerugian di akhirat, kerana semua amal ibadah dan kebaikannya akan dibatalkan disebabkan agama yang dianutinya tidak diterima oleh Allah. Allah berfirman:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ اْلإِسْلاَمِ دِيْنًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِى اْلآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِيْنَ.

"Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di Akhirat termasuk orang-orang yang rugi". (QS. ALI IMRAN, 3:85).





PEMBATALAN KETIGA





Pembatal Ketiga

Orang yang tidak mahu mengkafirkan orang-orang yang sudah jelas kekafirannya menurut nas al-Quran dan sunnah, sama ada orang-orang kafir tersebut dari golongan Yahudi, Nasrani, Majusi, orang-orang musyrik atau orang-orang *mulhid* (Atheis) atau selain dari jenis-jenis orang kafir yang telah dinyatakan di atas yang bermacam-macam kekufurannya.

Dan yang termasuk ke dalam pembatalan keIslaman seseorang ialah apabila seorang itu merasa ragu terhadap agamanya (Islam), kemudian membenarkan manhaj yang bukan manhajnya orang-orang beriman, maka dia telah di hukum kafir terhadap agama Islam.

Yang demikian itu kerana Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* telah mengkafirkan mereka lantaran keyakinan mereka yang menyelisihi agama Allah dan Rasul-Nya.

Seseorang itu dianggap kafir jika tidak mahu mengkafirkan mereka atau meragukan kekafiran mereka atau membenarkan mazhab mereka, sedangkan kekufuran mereka itu sendiri sudah membuktikan bahawa mereka benar-benar telah menentang Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dan

Rasul-Nya *sallallahu ‘alaihi wa-sallam*. Sehingga dikhabarkan oleh al-Quran bahawa mereka adalah seburuk-buruk makhluk dan akan dikekalkan di neraka.

Allah *Subhanahu wa-Ta’ala* berfirman:

إِنَّ الَّذِيْنَ كَفَرُوْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِيْنَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِيْنَ فِيْهَا أُوْلِئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ.

“Sesungguhnya orang-orang kafir iaitu Ahli al-Kitab dan orang-orang musyrik (akan masuk) ke neraka jahanam, mereka kekal di dalamnya. Mereka itu adalah seburuk-buruk makhluk”. (QS. AL-BAIYINAH, 98:6).

Ada pun yang dimaksudkan Ahli Kitab adalah terdiri dari orang-orang Yahudi dan Nasrani, sedangkan kaum yang dinamakan sebagai kaum musyrikin adalah orang-orang yang menyembah ilah (tuhan) yang lain bersama Allah.

Maka Yahudi, Nasrani dan Majusi adalah golongan yang telah menyekutukan Allah kerana mereka di samping menyembah Allah, mereka juga menyembah makhluk-Nya yang lain.

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* telah mengkhabarkan tentang kesyirikan Nasrani, Yahudi (Ahli Kitab) dan kaum-kaum musyrikin secara umum dengan firman-Nya:

لَّقَدْ كَفَرَ الَّذِيْنَ قَالُوْا إِنَّ اللهَ هُوَ الْمَسِيْحُ ابْنُ مَرْيَمَ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata, 'Sesungguhnya Allah itu adalah al-Masih putera Maryam". (QS. AL-MAIDAH, 5:17).

لَّقَدْ كَفَرَ الَّذِيْنَ قَالُوْا إِنَّ اللهَ ثَالِثُ ثَلاَثَةٍ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلاَّ إِلَهٌ وَاحِدٌ.

"Sesungguhnya kafirlah orang-orang yang telah mengatakan: Bahawa Allah adalah salah satu dari yang tiga, padahal sekali-kali tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Tuhan Yang Esa". (QS. AL-MAIDAH, 5:72-73).

Mereka adalah benar-benar kafir kerana Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* telah berfirman:

أُوْلَئِكَ هُمُ الْكَافِرُوْنَ حَقًّا وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِيْنَ عَذَابًا مُّهِيْنًا. وَالَّذِيْنَ ءَامَنُوْا بِاللهِ وَرَسُوْلِهِ وَلَمْ يُفَرِّقُوْا بَيْنَ

أَحَدٍ مِّنْهُمْ أُوْلَئِكَ سَوْفَ يُؤْتِيْهِمْ أُجُوْرَهُمْ وَكَانَ اللهُ غَفُوْرًا رَّحِيْمًا.

"Merekalah orang-orang kafir sebenar-benarnya. Kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir itu seksaan yang menghinakan. Orang-orang yang beriman kepada Allah dan para Rasul-Nya dan tidak membezakan seorang pun di antara mereka, kelak Allah akan memberikan kepada mereka pahalanya. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang". (QS. AN-NISAA, 4:151-152).

Begitu juga dengan golongan orang-orang munafik, mereka termasuk orang-orang kafir yang pedih siksaannya kerana pembohong dan penipuannya terhadap Islam dan orang-orang yang beriman. Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

إِنَّ اللهَ جَامِعُ الْمُنَافِقِيْنَ وَالْكَافِرِيْنَ فِى جَهَنَّمَ جَمِيْعًا.

"Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan orang-orang munafik dan orang-orang kafir di dalam Jahanam". (QS. AN-NISAA, 4:140).






PEMBATALAN KEEMPAT






Pembatal Keempat

Barangsiapa yang menyakini bahawasanya ada hidayah (petunjuk) selain petunjuk dari al-Quran dan yang disampaikan oleh Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam,* maka batallah keimanannya.

Begitu juga apabila seseorang merasakan agama selain Islam lebih sempurna dari Islam dan mempercayai ada petunjuk selain petunjuk Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* malah lebih sempurna dari petunjuk baginda maka batallah keIslamannya.

Atau ia menyakini bahawa hukum- ahkam selain hukum-ahkam yang didatangkan oleh Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam* lebih baik dari hukum Islam, seperti orang-orang yang lebih mengutamakan hukum-hukum ciptaan thaghut daripada hukum Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*. Maka dia kafir kerana keyakinannya yang batil.

Dan termasuk ke dalam golongan orang-orang yang batal keimanannya ialah orang-orang yang memusuhi para pemimpin dan peraturan yang dilaksanakan oleh pemimpin.

Atau dia meyakini bahawasanya hukum ahkam Islam semuanya atau sebahagiannya itu sudah lapuk, ketinggalan zamana dan tidak sesuai lagi untuk diterapkan dizaman sekarang ini.

Atau dia meyakini bahawasanya Islam dan undang-undang Islamlah yang menjadi punca sebenar terjadinya kemunduran di kalangan umat Islam dan menjadi penghalang untuk mencapai kemajuan.

Atau dia membatasi Islam hanya pada keterikatan seseorang kepada Rabbnya (Tuhannya), atau urusan ibadahnya tidak ada kaitannya dengan urusan politik, ekonomi, sosial, perundangan atau keduniaan dan tidak memasukkannya kepada perkara-perkara urusan kehidupan keduniaan yang lainnya, maka batallah keimanan orang yang berfikiran seperti ini.

Dan juga termasuk dalam senarai pembatal keIslaman ialah apabila seseorang berpandangan bahawa penerapan hukum Allah seperti hukum potong tangan bagi yang mencuri dan rejam bagi pezina *muhsan* (orang yang telah bernikah secara rasmi), kemudian dia menganggap hukum ahkam yang serupa itu sudah tidak sesuai lagi pada zaman sekarang, maka kafirlah dia dan batal keIslamannya kerana pandangannya yang buruk dan batil terhadap Islam.

Dan termasuk ke dalam hal yang membatalkan keIslaman, iaitu bagi semua orang yang berkeyakinan tentang bolehnya berhukum dengan selain syariat Allah dalam berbagai *muamalah* dan hukum-ahkam-Nya atau selain keduanya. Walaupun ia tidak meyakini bahawa yang demikian itu lebih utama daripada hukum syariat, tetapi sangkaan itu menyebabkan dia menghalalkan apa yang telah Allah haramkan menurut *ijmak* (kesepakatan para ulama).

Sesiapa yang menghalalkan apa yang telah nyata diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dari apa-apa yang telah diketahui berasal dari agama secara jelas seperti perzinahan, mengumpul dan makan riba, minum khamar dan berhukum dengan selain hukum-ahkam yang didatangkan oleh Allah, maka dia telah kafir berdasarkan ijmak para ulama kerana selain hukum Allah adalah hukum Jahiliyah.

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُوْنَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوْقِنُوْنَ.

"Apakah hukum jahiliyah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-

orang yang yakin?". (QS. AL-MAIDAH, 5:50).

Telah berfirman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*:

وَمَنْ لَّمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللهُ فَأُوْلَئِكَ هُمُ الْكَافِرُوْنَ.

"Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir". (QS. AL-MAIDAH, 5:44).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman seterusnya:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَآ أَنْزَلَ اللهُ فَأُوْلَئِكَ هُمُ الظَّالِمُوْنَ.

"Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim". (QS. AL-MAIDAH, 5:45).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللهُ فَأُوْلَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُوْنَ.

"Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik". (QS. AL-MAIDAH, 5:47).

Menurut penafsiran ulama salaf as-Soleh tentang ayat di atas, antaranya ialah Ibn Taus *rahimahullah* bahawa:

"Kufur (kafir) diayat ini ialah tidak seperti orang yang kufur kepada para malaikat Allah, kitab-kitab-Nya dan Rasul-rasul-Nya". Lihat: Tafsir Ibnu Kathir (2/85).

Sebagaimana juga yang dijelaskan penafsirannya oleh at-Thauri dari Ibn Juraij:

"Kufur yang tidak membawa kepada kekafiran". Lihat: Tafsir Ibnu Kathir (2/85).

Menurut penafsiran yang diriwayatkan oleh Ibn Jarir, bahawa berkata Waki' dari Sa'id al-Makki dari Taus:

"Bukanlah kafir yang boleh terkeluar dari millah (agama Islam)". Lihat: Jami'ul Bayan 'An-Takwil Aiyi al-Quran. (4/348) Ibnu Jarir.

Berkata juga Taus dan 'Ata':

> *"Kafir yang bukan kafir sebenar, zalim yang bukan zalim yang sebenar dan fasik yang bukan fasik yang sebenar".* Lihat: Jami'ul Bayan (4/348).

Pada ayat yang seterusnya (sesudah menyebut kalimah kafir) disudahi pula dengan kalimah ***"Zalim"*** dan ***"Fasik"***. Ayat-ayat tersebut kesemuanya diturunkan kepada orang-orang kafir. Telah ditetapkan tentang yang demikian di hadis riwayat Muslim dari hadis al-Baraa.[1]

Kerana orang Islam tidak boleh jadi kafir walaupun melakukan dosa yang besar.[2] (Tidak berhukum dengan hukum Allah dianggap berdosa bukan kafir). Oleh sebab itu Imam at-Tabari menjelaskan:

> *"Yang paling benar dari semua qaul-qaul ini menurutku ialah qaul yang mengatakan: "Ayat ini diturunkan kepada kuffar (orang-orang kafir) dari kalangan Ahli al-Kitab".* Lihat: Jami'ul Bayan. (5/349). Ibnu Jarir at-Tabari.

---

[1] . Lihat: Al-jami'ul Ahkam al-Quran. (4/190). Al-Qurtubi.
[2] . Ibid.

Telah dijelaskan oleh ulama tafsir bahawa dalam ayat ini terdapat dhamir (ganti nama) iaitu: *"Sesiapa"*.[3] yang bermaksud:

> *"Sesiapa yang tidak berhukum dengan apa yang telah diturunkan Allah kerana menolak (tidak beriman dengan) al-Quran dan menentang sabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam maka dia adalah kafir"* Lihat: Al-Jami' Li Ahkamil-Quran. (6/190) Al-Qurtubi.

Ungkapan di atas tidak menjelaskan apabila: *"Menolak al-Quran (tidak beriman)"* dan *"Menentang sabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam (kerana tidak mengimaninya)"*. Tetapi jika ia masih mengimaninya dan yakin akan wajibnya berhukum dengan hukum Allah, maka orang seperti ini dianggap 'asi (عاصي) *"berdosa, pembuat dosa atau pelaku maksiat"* dan pembuat/pelaku maksiat tidak boleh dihukum pengkafirannya dalam syarak. Sesiapa yang menghukum kafir ke atas pembuat maksiat maka dia adalah golongan Muktazilah.

Keterangan ini dapat difahami melalui penjelasan Ibn Masoud dan al-Hasan:

---

[3] . Ibid.

"Ayat ini am (umum) iaitu diturunkan kepada semua yang tidak berhukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, sama ada dari kalangan muslimin, Yahudi atau kuffar. Adapun (orang Islam) yang mempercayai (mengimani kewajipannya) dan kemudian ia menghalalkan (tidak melaksanakannya) dari berhukum dengan hukum Allah, maka sesiapa yang melakukan seperti itu sedangkan dia percaya dirinya telah melakukan yang haram, maka dia adalah yang tergolong dari muslim yang fasik (bukan kafir), maka urusannya dikembalikan kepada Allah, jika dikehendaki diazab dan jika dikehendaki diampunkan". Lihat: al-Ahkam Li Ahkamil-Quran. (6/190). Al-Qurtubi.

Ramai dari kalangan ulama yang berpolitik menyalah-gunakan ayat di surah al-Maidah ini. Mereka mengeluarkan fatwa bahawa:

"Tidak masuk syurga dan menghukum kafir pemerintah dan sesiapa sahaja yang bersama (menyokong) pemerintah yang tidak melaksanakan hukum Allah. Malah mereka mengajak rakyat jelata melakukan perbuatan yang diharamkan oleh syarak, iaitu menjatuhkan pemerintah yang dianggap kafir hanya dengan berhujahkan tiga ayat di atas yang disalah-tafsirkan oleh mereka".

Para ulama bid'ah amat mudah mengkafirkan pemerintah serta mereka yang menyokong pemerintah, sama ada mereka (para ulama) itu benar-benar tidak mengetahui larangan syarak terhadap tindakan mereka atau mereka termasuk dalam kalangan ulama suk (ulama keji/jahat/busuk) sama ada berfahaman Khawarij atau Muktazilah.

Apakah para ulama bid'ah tidak mampu memahami hadis Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam* yang memerintahkan semua umat Islam bersabar terhadap pemimpin mereka selagi pemimpin itu bersolat (kalau pemimpin itu masih Islam walaupun tidak berhukum dengan hukum Islam), kerana petanda Islam yang terakhir pada diri seseorang adalah solatnya, bukan melaksanakan (berhukum dengan) hukum syarak walaupun syarak telah mewajibkan berhukum dengan hukum dari al-Quran sehinggalah ke hari Kiamat. Sebagaimana sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*:

سَيَكُوْنُوْا بَعْدِيْ أُمَرَاءُ فَتَعْرِفُوْنَ وَتُنْكِرُوْنَ ، فَمَنْ أَنْكَرَ فَقَدْ بَرِىءَ ،وَمَنْ كَرِهَ فَقَدْ سَلِمَ ، وَلَكِنْ مَنْ رَضِيَ وَتَابَعَ ، قَالوْا : أَفَلاَ نُنَابِذُهُمْ بِالسَّيْفِ ؟ قَالَ : لاَ ! مَا أَقَامُوْا فِيْكُمْ الصَّلاَةَ.

"Akan ada selepas peninggalanku nanti para pemimpin yang kamu mengenalinya dan mengingkari kejahatannya, maka sesiapa yang mengingkari kejahatannya dia telah berlepas diri dan sesiapa yang membenci kejahatannya dia telah selamat, akan tetapi orang yang meredai kejahatannya akan mengikuti kejahatannya. Apakah tidak kita perangi mereka dengan pedang (wahai Rasulullah?) Baginda menjawab: Jangan! Selagi mereka masih mendirikan solat di kalangan kamu". Hadis riwayat Muslim (6/23).

Dan mentaati pemimpin hukumnya tetap wajib walaupun pemimpin tersebut kafir selagi mereka (para pemimpin yang kafir itu) tidak menzalimi, membunuh, mengusir atau menyuruh kepada melakukan maksiat iaitu syirik kepada Allah *'Azza w-Jalla.*

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

لاَ يَنْهَاكُمُ اللهُ عَنِ الَّذِيْنَ لَمْ يُقَاتِلُوْكُمْ فِى الدِّيْنِ وَلَمْ يُخْرِجُوْكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوْهُمْ وَتُقْسِطُوْا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِيْنَ.

"Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil". (QS. AL-MUMTAHANAH. 60:8).

وَلاَ تَسُبُّوْا أُمَرَاءَكُمْ وَلاَ تَغُشُّوْهُمْ وَلاَ تَبْغِضُوْهُمْ ، وَاتَّقُوْا اللهَ ، وَاصْبِرُوْا فَإِنَّ الأَمْرَ قَرِيْبٌ.

"Dan janganlah kamu maki (kutuk/cerca) para pemimpin kamu, janganlah mengkhianati mereka dan janganlah menjadikan mereka marah. Bertakwahlah kamu kepada Allah dan bersabarlah kerana urusan itu adalah dekat". Hadis riwayat Ibnu Abi 'Asim dalam As-Sunnah (2/499).

لاَ طَاعَةَ لِمَخْلُوْقٍ فِي مَعْصِيَةِ الْخَالِقِ.

"Tidak ada (kewajipan) taat kepada makhluk di dalam bermaksiat kepada Sang Pencipta". Hadis riwayat at-Tirmizi.

Begitulah penjelasan para ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah yang berpegang dengan

manhaj Salaf as-Soleh dalam memelihara hidayah ummah. Mereka menjelaskan bagaimana mensikapi pemerintah sama ada yang Islam atau yang bukan Islam. Itulah Islam yang diperintahkan kepada sekalian umat Islam agar berpegang dan memeliharanya.

Allah *'Azza wa-Jalla* telah berfirman:

إِنَّ الدِّيْنَ عِنْدَ اللهِ اْلإِسْلاَمُ.

"Sesungguhnya agama (yang diredai) di sisi Allah hanyalah Islam". (QS. ALI IMRAN, 3:19).

Dan seterusnya Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ اْلإِسْلاَمِ دِيْنًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ.

"Barangsiapa mencari agama selain dari agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di Akhirat termasuk orang-orang yang rugi". (QS. ALI IMRAN, 3:85).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

إِنَّ الَّذِيْنَ كَفَرُوْا بِآيَاتِنَا سَوْفَ نُصْلِيْهِمْ نَارًا كُلَّمَا نَضِجَتْ جُلُوْدُهُمْ بَدَّلْنَاهُمْ جُلُوْدًا غَيْرَهَا لِيَذُوْقُوْا الْعَذَابَ إِنَّ اللهَ كَانَ عَزِيْزًا حَكِيْمًا.

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada ayat-ayat Kami, kelak akan Kami masukkan mereka ke dalam neraka. Setiap kali kulit mereka hangus, Kami ganti kulit mereka dengan kulit yang lain, supaya mereka rasakan azab. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana". (QS. AN-NISAA, 4:56).

Orang-orang yang telah mengatakan dirinya beriman, imannya tidak bermakna jika tidak mematuhi kewajipan yang telah diwajibkan kepada mereka, antaranya ialah menjadikan Allah dan Rasul-Nya sebagai hakim dalam hal yang wajib dan yang haram. Adapun yang haram terutama persoalan syirik, bid'ah, khurafat dan tahaiyul. Itulah yang lebih utama kerana perkara-perkara tersebutlah yang menyebabkan ramai manusia ke neraka. Allah *Tabaraka wa Ta'ala* berfirman tentang wajibnya mengembalikan hukum terutama yang bersangkutan dengan akidah hanya kepada hukum Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*. Sebagaimana firman-Nya:

فَلاَ وَرَبِّكَ لاَ يُؤْمِنُوْنَ حَتَّى يُحَكِّمُوْكَ فِيْمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لاَ يَجِدُوْا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوْا تَسْلِيْمًا.

"Maka demi Rabbmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman sehingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya". (QS. AN-NISAA, 4:65).

Ayat-Ayat al-Quran di atas mengancam orang-orang yang tidak mahu melaksanakan hukum di dalam hal-hal yang telah ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya, maka ia digolongkan sebagai orang yang telah batal keIslamannya.






PEMBATALAN KELIMA






Pembatal Kelima

Barangsiapa yang merasa tidak suka (merasa tidak senang dan benci di hatinya) terhadap sesuatu dari apa-apa sahaja yang disampaikan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* sekalipun dia mengaku sebagai seorang Islam, melakukan kebaikan seperti solat, puasa, zakat, haji dan kebaikan-kebaikan yang lain, maka ia telah kafir dan terkeluar dari Islam berdasarkan kebencian di hatinya terhadap apa yang dibawa atau disampaikan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* sama ada yang dari al-Quran atau hadis-hadis yang sahih.

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfiman:

وَالَّذِيْنَ كَفَرُوْا فَتَعْسًا لَّهُمْ وَأَضَلَّ أَعْمَالَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَرِهُوْا مَآ أَنْزَلَ اللهُ فَأَحْبَطَ أَعْمَالَهُمْ.

"Dan orang-orang yang kafir, maka kecelakaanlah bagi mereka dan Allah menghapus amal-amal mereka. Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka benci kepada apa yang diturunkan Allah (al-Quran), lalu Allah menghapuskan

(pahala-pahala) amal-amal mereka". (QS. MUHAMMAD, 47:8-9).

Dan Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman seterusnya:

إِنَّ الَّذِيْنَ ارْتَدُّوْا عَلَى أَدْبَارِهِمْ مِنْ بعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْهُدَى الشَّيْطَانُ سَوَّلَ لَهُمْ وَأَمْلَى لَهُمْ. ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوْا لِلَّذِيْنَ كَرِهُوْا مَا نَزَّلَ اللهُ سَنُطِيْعُكُمْ فِي بَعْضِ الْأَمْرِ وَاللهُ يَعْلَمُ إِسْرَارَهُمْ فَكَيْفَ إِذَا تَوَفَّتْهُمُ الْمَلاَئِكَةُ يَضْرِبُوْنَ وُجُوْهُهُمْ وَأَدْبَارَهُمْ . ذَلِكَ بِأَنَّهُمُ اتَّبَعُوْا مَآ أَسْخَطَ اللهَ وَكَرِهُوْا رِضْوَانَهُ فَأَحْبَطَ أَعْمَالَهُمْ.

"Sesungguhnya orang yang kembali ke belakang (kepada kekafiran) sesudah petunjuk itu jelas bagi mereka, syaitan telah menjadikan mereka mudah (berbuat dosa) dan memanjangkan angan-angan mereka. Yang demikian itu kerana sesungguhnya mereka (orang-orang munafik) itu berkata kepada orang-orang yang benci kepada apa yang diturunkan Allah (orang-orang Yahudi): 'Kami akan mematuhi kamu dalam beberapa urusan,' sedang Allah mengetahui rahsia

mereka. Bagaimanakah (keadaan mereka) apabila malaikat (maut) mencabut nyawa mereka seraya memukul muka mereka dan punggung mereka? Yang demikian itu kerana sesungguhnya mereka mengikuti apa yang menimbulkan kemurkaan Allah dan (kerana) mereka membenci (apa yang menimbulkan) keredaan-Nya, sebab itu Allah menghapus (pahala) amal-amal mereka". (QS. MUHAMMAD, 47:25-28).





PEMBATALAN KEENAM





Pembatal Keenam

Orang-orang yang mempermainkan agama Islam dengan sengaja dengan niat untuk memperolok-olok atau menghina Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu 'alaihi wa-sallam*, menghina al-Quran, dinul (agama) Islam serta mempermain-mainkan nama dan kemuliaan para malaikat atau para ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah (kerana kemuliaan ilmu yang mereka miliki), maka batallah keIslaman mereka begitulah menurut ijmak.

Atau menghina salah satu syiar dari syiar-syiar Islam seperti menghina orang yang mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa dibulan Ramadan, menunaikan haji ke Mekah, tawaf mengelilingi Kaabah, wukuf di Arafah atau menghina masjid, menghina laungan azan, memperlekeh lelaki yang memelihara janggut atau memperkecilkan sunnah-sunnah Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam* yang lainnya secara umum.

Dan selain itu menghina syiar-syiar agama Allah yang lain seperti tempat-tempat yang telah disucikan dalam keyakinan Islam yang terdapat keberkahan padanya, maka dia telah kafir terhadap agama Allah *'Azza wa-Jalla*.

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

قُلْ أَبِاللهِ وَءَايَاتِهِ وَرَسُوْلِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِؤُنَ . لاَ تَعْتَذِرُوْا قَدْ كَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيْمَانِكُمْ إِنْ نَّعْفُ عَنْ طَائِفَةٍ مِّنْكُمْ نُعَذِّبْ طَآئِفَةً بِأَنَّهُمْ كَانُوْا مُجْرِمِيْنَ.

"Katakanlah, Apakah dengan Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya kamu selalu berolok-olok? Tidak usah kamu minta maaf, kerana kamu kafir sesudah beriman. Jika Kami maafkan segolongan dari kamu (lantaran mereka taubat), nescaya Kami akan mengazab golongan (yang lain) disebabkan mereka adalah orang-orang yang selalu membuat dosa". (QS. AT-TAUBAH, 9:65-66).

Dan Allah *Subhanahu wa-Ta'ala juga* berfirman:

إِنَّ الَّذِيْنَ أَجْرَمُوْا كَانُوْا مِنَ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا يَضْحَكُوْنَ . وَإِذَا مَرُّوْا بِهِمْ يَتَغَامَزُوْنَ . وَإِذَا انْقَلَبُوْا إِلَى أَهْلِهِمُ انْقَلَبُوْا فَكِهِيْنَ . وَإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوْا إِنَّ هَؤُلاَءِ لَضَآلُوْنَ . وَمَآ أُرْسِلُوْا عَلَيْهِمْ

حَافِظِيْنَ . فَالْيَوْمَ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مِنَ الْكُفَّارِ
يَضْحَكُوْنَ . عَلَى الْأَرَآئِكِ يَنْظُرُوْنَ . هَلْ ثُوِّبَ
الْكُفَّارُ مَا كَانُوْا يَعْمَلُوْنَ.

"Sesungguhnya orang-orang yang berdosa, adalah mereka yang dahulunya (di dunia) mentertawakan (menghina) orang-orang yang beriman. Dan apabila orang-orang beriman berlalu di hadapan mereka, mereka saling mengerdip-ngerdipkan matanya. Dan apabila orang-orang berdosa itu kembali kepada kaumnya, mereka kembali dengan gembira. Dan apabila mereka melihat orang-orang mukmin, mereka mengatakan, 'Sesungguhnya mereka itu benar-benar orang-orang yang sesat,' padahal orang-orang yang berdosa itu tidak dikirim untuk (menjadi) penjaga bagi orang-orang mukmin. Maka pada hari ini, orang-orang yang beriman mentertawakan orang-orang kafir, mereka (duduk) di atas dipan-dipan (bangku panjang dan rendah) sambil memandang. Sesungguhnya orang-orang kafir telah diberi ganjaran terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan". (QS. MUTHAFFIFIN, 83:29-36).

Dan seterusnya Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

وَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِيْنَ يَخُوْضُوْنَ فِي ءَايَاتِنَا فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ حَتَّى يَخُوْضُوْا فِي حَدِيْثٍ غَيْرِهِ وَإِمَّا يُنْسِيَنَّكَ الشَّيْطَانُ فَلاَ تَقْعُدْ بَعْدَ الذِّكْرَى مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِيْنَ.

"Dan apabila kamu melihat orang-orang memperolok-olokkan ayat-ayat Kami, maka tinggalkanlah mereka sehingga mereka membicarakan yang lain. Dan jika syaitan menjadikan kamu lupa (akan larangan ini), janganlah kamu duduk bersama-sama orang-orang yang zalim itu sesudah teringat (akan larangan itu)". (QS. AL-AN'AM, 6:68).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* juga berfirman:

وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ أَنْ إِذَا سَمِعْتُمْ ءَايَاتِ اللهِ يُكْفَرُ بِهَا وَيُسْتَهْزَأُ بِهَا فَلاَ تَقْعُدُوْا مَعَهُمْ حَتَّى

يَخُوْضُوْا فِى حَدِيْثٍ غَيْرِهِ إِنَّكُمْ إِذًا مِثْلُهُمْ إِنَّ اللهَ جَامِعُ الْمُنَافِقِيْنَ وَالكَافِرِيْنَ فِى جَهَنَّمَ جَمِيْعًا.

"Dan sungguh Allah telah menurunkan kepada kamu di dalam al-Quran bahawa apabila kamu mendengar ayat-ayat Allah diingkari dan diperolok-olokkan (oleh orang-orang kafir), maka janganlah kamu duduk berserta mereka, sehingga mereka memasuki pebicaraan yang lain. Kerana sesungguhnya (kalau kamu berbuat demikian) tentulah kamu serupa dengan mereka. Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan orang-orang munafik dan orang-orang kafir di dalam Jahanam". (QS. AN-NISAA, 4:140).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ حُرُمَاتِ اللهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ.

"Dan barangsiapa mengagungkan apa-apa yang terhormat di sisi Allah, maka itu adalah lebih baik baginya di sisi Rabb-nya". (QS. AL-HAJJ, 22:30).

Allah *Tabaraka wa-Ta'ala* berfirman:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوْبِ.

"Dan barangsiapa mengagungkan syiar-syiar Allah, maka sesungguhnya itu timbul dari ketakwaan hati". (QS. AL-HAJJ, 22:32).






PEMBATALAN KETUJUH






Pembatal Ketujuh

Mempelajari dan mengamalkan sihir, termasuklah di dalamnya sihir *asy-Syarfu* dan *al-'Athfu*.

Asy-Syarfu adalah sejenis perbuatan sihir yang bertujuan untuk merubah keadaan seseorang dari apa yang dicintainya kepada membencinya, seperti memalingkan kecintaan seorang suami terhadap isterinya atau sebaliknya sehingga menjadi kebencian terhadap salah seorang darinya.

Adapun *al-'Athfu*, ia merupakan perbuatan sihir yang tujuannya dapat memacu dan mendorong seseorang dari apa yang tidak dicintainya sehingga ia mencintainya dengan cara-cara yang tunjukkan oleh syaitan.

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* telah berfirman:

وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُوْلاَ إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلاَ تَكْفُرْ.

"Sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seseorang pun sebelum

mengatakan, 'Sesungguhnya kami hanya cubaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir". (QS. AL-BAQARAH, 2:102).

Dari Abdullah bin Masoud *radiallahu 'anhu* berkata, "Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* telah bersabda:

إِنَّ الرُّقَى وَالتَّمَائِمَ وَالتِّوَلَةَ شِرْكٌ.

'Sesungguhnya jampi, jimat dan tiwalah (pelet) adalah perbuatan syirik". Hadis diriwayatkan oleh Abu Daud (no.3883), dihasankan oleh Syeikh Muqbil dalam *as-Sahih Musnad* (11/17-18) dan beliau menisbatkannya kepada al-Hakim (1V/217). Disahihkan juga oleh al-Albani dalam *Sahihul Jami'* (no. 1632) dan dalam *Silsilah as-Sahihah* (no. 331). Demikian pula disahihkan oleh al-Hakim (1V/217) dan disetujui oleh az-Zahabi. Dan hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Majah no. 3530, Ahmad (1/381), at-Tabrani dalam *al-Mu'jam al-Kabiir* (X/262) Ibnu Hibban (X111/456), dan al-Baihaqi (1X/350).





PEMBATALAN KELAPAN





Pembatal Kelapan

Memberikan pertolongan kepada orang kafir dan membantu mereka dalam rangka memerangi dan menghancurkan kaum muslimin dan agamanya.

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِّنْكُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ إِنَّ اللهَ لاَ يَهْدِى الْقَوْمَ الظَّالِمِيْنَ.

"Barangsiapa di antara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim". (QS. AL-MAIDAH, 5:51).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا إِنْ تَطِيْعُوْا فَرِيْقًا مِنَ الَّذِيْنَ أُوْتُوْا الْكِتَابَ يَرُدُّوْكُمْ بَعْدَ إِيْمَانِكُمْ كَافِرِيْنَ .

وَكَيْفَ تَكْفُرُوْنَ وَأَنْتُمْ تُتْلَى عَلَيْكُمْ ءَايَاتُ اللهِ وَفِيْكُمْ رَسُوْلُهُ وَمَنْ يَعْتَصِمْ بِاللهِ فَقَدْ هُدِيَ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيْمٍ.

"Hai orang-orang yang beriman, jika kamu mengikuti sebahagian dari orang-orang yang diberi Al-Kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang kafir sesudah kamu beriman! Bagaimana kamu (sampai) menjadi kafir, padahal ayat-ayat Allah dibacakan kepada kamu, dan Rasul-Nya pun berada di tengah-tengah kamu. Barangsiapa yang berpegang teguh kepada (agama) Allah, maka sesungguhnya ia telah diberi petunjuk kepada jalan yang lurus". (QS. ALI-IMRAN, 3:100-101).

Seterusnya Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا إِنْ تَطِيْعُوْا الَّذِيْنَ كَفَرُوْا يَرُدُّوْكُمْ عَلَى أَعْقَابِكُمْ فَتَنْقَلِبُوْا خَاسِرِيْنَ.

"Hai orang-orang yang beriman, jika kamu mentaati orang-orang yang kafir itu, nescaya mereka mengembalikan kamu ke belakang (kepada kekafiran), lalu jadilah

kamu orang-orang yang rugi! Tetapi (ikutilah Allah), Allahlah Pelindungmu, dan Dialah sebaik-baik Penolong". (QS. ALI IMRAN, 3:149-150).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لاَ تَتَّخِذُوْا عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَاءَ تُلْقُوْنَ إِلَيْهِمْ بِالْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرَوْا بِمَا جَآءَكُمْ مِنَ الْحَقِّ يُخْرِجُوْنَ الرَّسُوْلَ وَإِيَّاكُمْ أَن تُؤْمِنُوْا بِاللهِ رَبِّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ خَرَجْتُمْ جِهَادًا فِي سَبِيْلِيْ وَابْتِغَاءَ مَرْضَاتِيْ تُسِرُّوْنَ إِلَيْهِمْ بِالْمَوَدَّةِ وَأَنَا أَعْلَمُ بِمَا أَخْفَيْتُمْ وَمَآ أَعْلَنْتُمْ وَمَنْ يَفْعَلْهُ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَآءَ السَّبِيْلِ.

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuhmu menjadi teman-teman setia yang kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad) kerana kasih sayang! Padahal sesungguhnya mereka telah ingkar kepada kebenaran yang datang kepadamu, mereka mengusir Rasul dan (mengusir) kamu kerana kamu beriman kapada Allah, Rabbmu. Jika kamu benar-benar keluar

untuk berjihad pada jalan-Ku dan mencari keredaan-Ku (janganlah kamu berbuat demikian). Kamu memberitahu secara rahsia (berita-berita Muhammad) kepada mereka kerana rasa kasih sayang. Aku lebih mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu nyatakan. Dan barangsiapa di antara kamu yang melakukannya, maka sesungguhnya dia telah tersesat dari jalan yang lurus. Jika mereka menangkap kamu, nescaya mereka bertindak sebagai musuh bagimu dan melepaskan tangan dan lidah mereka kepadamu dengan menyakiti (mu), dan mereka ingin supaya kamu (kembali) kafir". (QS. AL-MUMTAHANAH, 60:1).

Allah *Jalla wa-A'laa* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لاَ تَتَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِبَ اللهُ عَلَيْهِمْ قَدْ يَئِسُوْا مِنَ الْأَخِرَةِ كَمَا يَئِسَ الْكُفَّارُ مِنْ أَصْحَابِ الْقُبُوْرِ.

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu jadikan penolongmu kaum yang dimurkai Allah! Sesungguhnya mereka telah putus asa terhadap negeri Akhirat sebagaimana orang-orang yang kafir telah

berada dalam kubur berputus asa!". (QS. AL-MUMTAHANAH, 60:13).

Tetapi orang-orang Islam mempunyai peraturan dan hukum-ahkam yang telah ditetapkan oleh syarak dalam menyikapi orang-orang kafir. Termasuklah orang-orang yang di bawah pemerintahan orang-orang kafir (masyarkat Islam yang di bawah pemerintah kuffar dan undang-undang kuffar). Yang mana ajaran Islam menyeru umatnya agar tidak membuat kerosakan sama ada yang nampak atau yang tersembunyi termasuklah terhadap pemerintah dan rakyatnya.

Jika didapati pemimpin melakukan kesilapan, maka diajar agar menasihati pemimpin dengan cara yang tebaik, iaitu sebagaimana terdapat di dalam sabda Rsulullah:

مَنْ أَرَادَ أَنْ يَنْصَحَ لِسُلْطَانٍ بِأَمْرٍ ، فَلاَ يُبْدِ لَهُ عَلاَنِيَةً ، وَلَكِنْ لِيَأْخُذْ بِيَدِهِ ، فَيَخْلُوَ بِهِ ، فَإِنْ قَبِلَ مِنْهُ فَذَاكَ ، وَإِلاَّ كَانَ قَدْ أَدَّى الَّذِيْ عَلَيْهِ لَهُ.

"Barangsiapa yang hendak menasihati penguasa akan suatu perkara, maka janganlah ia memberikannya secara terang-terang, akan tetapi gandinglah tangannya, lalu menjauhlah ke tempat yang sepi, dan

apabila ia menerima nasihatnya maka itulah yang diharapkan, namun apabila ia tidak menerimanya maka ia telah menunaikan kewajibannya (terhadapnya)". Hadis sahih dikeluarkan oleh Ahmad dalam *Al-Musnad* (3/403). Ibnu Abi 'Asim dalam *As-Sunnah* (507 no. 1096). Disahihkan oleh Al-Albani dalam *Zhilal al-Jannah* (507).

Allah berfirman:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيَ الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوْا بِاللهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُوْلُوْا عَلَى اللهِ مَالاَ تَعْلَمُوْنَ.

"*Katakanlah, Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan yang keji, baik yang nampak ataupun yang tersembunyi, dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar, dan mempersekutukan Allah dengan sesuatu! Allah tidak menurunkan hujah untuk itu dan mengada-adakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui*". (QS. AL-A'RAF, 7:33).

وَإِذَا جَآءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوِ الْخَوْفِ أَذَاعُوْا بِهِ
وَلَوْ رَدُّوْهُ إِلَى الرَّسُوْلِ وَإِلَى أُوْلِى الأَمْرِ مِنْهُمْ
لَعَلِمَهُ الَّذِيْنَ يَسْتَنْبِطُوْنَهُ مِنْهُمْ وَلَوْلاَ فَضْلُ اللهِ
عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لاَتَّبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ إِلاَّ قَلِيْلاً.

"Dan apabila datang kepada mereka suatu berita tentang keamanan atau pun ketakutan mereka lalu menyiakannya, dan kalau mereka menyerahkan kepada rasul dan pemimpin di antara mereka, tentulah orang-orang yang ingin mengetahui kebenarannya akan dapat mengetahuinya dari mereka (Rasul dan pemimpin mereka), kalau tidaklah kerana kurnia dan rahmat Allah kepada kamu tentulah kamu mengikut syaitan kecuali sebahagian kecil sahaja". (QS. AN-NISAA, 4:83).

Islam telah mewajibkan semua umatnya agar mengamankan masyarakat dari sebarang ancaman dan ketakutan. Sesama rakyat dianggap sebagai jiran dalam kehidupan sebuah negara. Rasulullah bersabda:

لاَيُؤْمِنُ مَنْ لاَ يَأْمَنُ جَارَهُ بَوَائِقَهُ.

"Tidaklah beriman seseorang yang mana tetangganya tidak merasa aman dari kejahatannya".

Setiap orang-orang yang beriman diharamkan dari berbuat onar di manapun mereka berada.

Allah telah berfirman:

وَلاَ تُفْسِدُوْا فِي اْلأَرْضِ بَعْدَ إِصْلاَحِهَا.

"Dan janganlah kamu membuat kerosakan di permukaan bumi setelah Allah memperbaikinya". (QS. AL-A'RAF, 7:56).

Sebagai warganegara dituntut agar berbuat baik kepada pemimpin.

Allah berfirman:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيْظَ الْقَلْبِ لاَنْفَضُّوْا مِنْ حَوْلِكَ.

"Maka disebabkan rahmat dari Allahlah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka, sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar,

tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu". (QS. ALI IMRAN, 3:159).

Islam mewajibkan juga agar setiap warga negara sentiasa berbuat baik, berbakti dan berlaku adil kepada pemerintah.

لاَ يَنْهَاكُمُ اللهُ عَنِ الَّذِيْنَ لَمْ يُقَاتِلُوْكُمْ فِي الدِّيْنِ وَلَمْ يُخْرِجُوْكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوْهُمْ وَتُقْسِطُوْا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِيْنَ.

"Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orng yang berlaku adil". (QS. AL-MUMTAHANAH, 60:8).





PEMBATALAN KESEMBILAN





Pembatal Kesembilan

Barangsiapa yang mempunyai keyakinan bahawa sebahagian manusia diberikan kelulusan atau kebenaran untuk keluar dari syariat (ajaran) Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam*, sebagaimana Nabi Khidir dibolehkan keluar dari syariat Nabi Musa *'alaihis salam*, maka dia telah mengambil keyakinan yang salah, jahil terhadap ilmu agama dan menjadi kafir kerana kebodohannya.

Hal itu kerana setiap Nabi diutus oleh Allah *'Azza wa-Jalla* secara khusus kepada kaumnya, begitulah yang berlaku kepada Nabi Khidir, ia diutus hanya untuk kaumnya, maka tidak wajib bagi sekalian manusia untuk mengikutinya termasuklah Nabi Musa *'alaihis salam* dan kaum-kaum tarikat sufi atau tasawuf yang berbagai-bagai alirannya dizaman ini.

Adapun Nabi kita Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wa-sallam,* sesungguhnya baginda telah diutus kepada sekalian manusia secara *kaffah* (menyeluruh tanpa ada yang terkecuali) sehinggalah kehari Kiamat, maka tidak halal bagi manusia untuk menyelisihinya dan keluar dari syariat Nabi Muhammad *sallallahu*

'alaihi wa-sallam kerana sesiapa yang meninggalkan atau keluar darinya maka kafirlah dia tanpa khilaf para ulama salaf atau khalaf.

Allah *Subahanahu wa-Ta'ala* berfirman:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّيْ رَسُوْلُ اللهِ إِلَيْكُمْ جَمِيْعًا.

"Katakanlah wahai manusia, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu sekalian!". (QS. AL-A'RAF, 7:158).

Jamiian (جميعا) yang dimaksudkan pada ayat ini adalah semua bangsa, kaum, darjat, keturunan atau kabilah tanpa ada pengecualian.

Seterusnya Allah *Ta'ala* berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلاَّ رَحْمَةً لِلْعَالِمِيْنَ.

"Dan tidaklah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam". (QS. AL-ANBIA', 21:107).

Maksud dari kalimah *al-'Alamin* (العالمين) ialah semua alam, sama ada alam jin atau manusia. Iaitu pemberi peringatan kepada seluruh dunia sehinggalah dunia kiamat. Allah *Tabaraka wa-*

Ta'ala telah mengkhabar tentang perkara ini dengan firman-Nya:

تَبَارَكَ الَّذِيْ نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُوْنَ لِلْعَالَمِيْنَ نَذِيْرًا.

"Mahasuci Allah yang telah menurunkan al-Furqan (iaitu al-Quran) kepada hamba-Nya agar dia menjadi pemberi peringatan kepada seluruh alam". (QS. AL-FURQAN, 25:1).

Dan Allah '*Azza wa-Jalla* berfirman lagi:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلاَّ كَآفَةً لِلنَّاسِ بَشِيْرًا وَنَذِيْرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لاَ يَعْلَمُوْنَ.

"Dan Kami tidak mengutus kamu, melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui". (QS. SABA', 34:28).

Maksud kalimah *Kaafah* (كآفة) ialah kepada seluruh manusia tanpa mengira apa bangsanya atau kabilahnya dan juga negaranya.

Dari Jabir bin Abdullah al-Ansari *radiallahu ʻanhu*, bahawasanya Nabi *sallallahu ʻalaihi wa-sallam* bersabda:

أُعْطِيْتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ قَبْلِيْ : نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مَسِيْرَةَ شَهْرٍ ، وَجُعِلَتْ لِيَ اْلأَرْضَ مَسْجِدًا وَطَهُوْرًا ، فَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِيْ أَدْرَكَتْهُ الصَّلاَةُ فَلْيُصَلِّ ، وَأُحِلَّتْ لِيَ الْغَنَائِمُ وَلَمْ تُحَلَّ لأَحَدٍ قَبْلِيْ ، وَأُعْطِيْتُ الشَّفَاعَةَ ، وَكَانَ النَّبِيُّ يُبْعَثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَةً ، وَبُعِثْتُ إِلَى النَّاسِ عَامَةً.

"Aku diberikan lima hal yang belum pernah diberikan kepada seseorang pun sebelumku dari para Rasul: (1) aku ditolong dengan rasa takut yang menghantui musuhku sebelum aku datang kepada mereka selama perjalanan satu bulan, (2) dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid dan suci, maka siapa saja dari umatku yang mendapatkan waktu solat, maka hendaklah ia segera bersolat, (3) dihalalkan bagiku harta rampasan perang dan belum pernah dihalalkan bagi seorang (Nabi) pun sebelumku, (4) dan aku diberikan wewenang oleh Allah untuk memberikan syafaat kepada

manusia (dengan izin Allah), (5) Nabi-nabi diutus kepada kaumnya secara khusus sedangkan aku diutus untuk manusia secara keseluruhan". Hadis riwayat al-Bukhari no. 438 dan Muslim no. 521.

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

إِنَّ الدِّيْنَ عِنْدَ اللهِ الْإِسْلاَمُ.

"Sesungguhnya agama (yang diredai) di sisi Allah hanyalah Islam". (QS. ALI IMRAN, 3:19).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلاَمِ دِيْنًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِى الْأَخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِيْنَ.

"Barangsiapa mencari agama selain dari agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di Akhirat termasuk orang-orang yang merugi". (QS. ALI IMRAN 3:85).

Allah *Tabaraka wa-Ta'ala* berfirman:

اَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِيْنَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِيْ وَرَضِيْتُ لَكُمُ اْلإِسْلاَمَ دِيْنًا.

"Pada hari ini telah Ku sempurnakan untukmu agamamu dan telah kucukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku redai Islam itu agamamu". (QS. AL-MAIDAH, 5:3).

Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* berfirman:

أَفَغَيْرَ دِيْنِ اللهِ يَبْغُوْنَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِى السَّمَوَاتِ وَاْلأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُوْنَ.

"Maka apakah mencari agama yang lain dari agama Allah, padahal kepada-Nya lah berserah diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka mahupun terpaksa dan hanya kepada Allahlah mereka dikembalikan". (QS. ALI IMRAN, 3:83).

Dan dalam hadis disebutkan:

وَاللهِ ، لَوْ أَنَّ مُوْسَى حَيًّا لَمَا وَسَعَهُ إِلاَّ اتِّبَاعِيْ.

"Demi Allah, kalau seandainya Musa alaihis salam hidup di tengah-tengah kalian,

nescaya tidak ada keleluasaan baginya kecuali dia wajib mengikuti syariatku!". Dihasankan oleh al-Albani dalam *al-Irwaa'* (V1/34 no. 1589) dan dia menyebutkan lapan jalur dari hadis tersebut. Dan jalur ini telah disebutkan oleh Ibnu Kathir dalam tafsirnya pada ayat 81 dan 82 dari surah Ali Imran (11/78), cetakan yang telah di*tahqiq* (diteliti). Dan didaifkan oleh Syeikh Muqbil dalam pembahasan ini.





PEMBATALAN KESEPULUH





Pembatal Kesepuluh

Apabila seseorang telah berpaling dari agama Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*, antaranya dengan cara tidak mahu mengambil tahu dan tidak mahu memperdulikan agama dan apa sahaja yang berkaitan dengan agama. Lalai dan tidak mahu mempelajarinya secara yang bersungguh-sungguh walaupun ada kesempatan dan kemudian tidak mahu beramal dengannya.

Dinamakan berpaling apabila tidak mahu mengamalkan setiap kewajipan yang telah diwajibkan kepadanya setelah ia mengetahui tentang kewajipan tersebut dengan dalil-dalilnya. Dan tidak meninggalkan setiap apa yang sudah diketahui telah diharamkan kepadanya, apabila semunya itu telah diketahui dan sedar akan yang demikian, maka batallah iman dan batallah juga keIslamannya.

Antara maksud berpaling iaitu berpaling dari apa yang telah diketahui tentang wajib atau haramnya sesuatu perkara dalam syariah Islamiyah, sama ada akidah, ibadah, muamalah atau akhlak Islamiyah, kemudian dia menentang dan meninggalkanya, maka dengan sikap dan

tindakannya itu menyebabkan rosak dan batalnya keimanan dan keIslamannya.

Dan juga, termasuk penyebab batalnya iman dan Islam seseorang antaranya berpunca dari meninggalkan ilmu-ilmu asas agama, terutamanya ilmu akidah (tauhid) ilmu-ilmu ibadah serta segala ilmu yang berkaitan dengan fardu ain.

Adalah jelas bahawa apabila seseorang tidak mahu mempelajari pokok atau dasar agama Islam, sikapnya boleh membawa akibat yang buruk sehingga boleh membatalkan keIslamannya, kerana kejahilannya (kebodohannya) sentiasa mendedahkan dia kepada perkara-perkara yang boleh menyelewengkan agamanya, akidahnya dan ibadahnya kepada Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*.

Kerana perincian hukum ahkam agama tidak akan dapat diketahui kecuali oleh mereka yang mempelajarinya, malah walaupun ada yang mempelajarinya tetapi masih ramai yang tidak sanggup melaksanakan atau mentaatinya, kecuali orang-orang yang dirahmati oleh Allah, seperti para ulama, para penuntut ilmu yang bersungguh-sungguh, orang-orang yang sentiasa ikhlas dan bersabar kerana mencari keredaan Allah. Dan selain itu adalah orang-orang yang telah dibatalkan keIslamannya. Dalilnya ialah firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*:

وَالَّذِيْنَ كَفَرُوا عَمَّا أُنْذِرُوْا مُعْرِضُوْنَ.

"Dan orang-orang yang kafir berpaling dari apa yang diperingatkan kepada mereka". (QS. AL-AHQAF, 46 :3).

Firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ذُكِّرَ بِآيَاتِ رَبِّهِ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَا إِنَّا مِنَ الْمُجْرِمِيْنَ مُنْتَقِمُوْنَ.

"Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang telah diperingatkan dengan ayat-ayat Rabbnya, kemudian ia berpaling daripadanya. Sesungguhnya Kami akan memberikan pembalasan kepada orang-orang yang berdosa". (QS. AS-SAJADAH, 32:22).

Firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِيْ فَإِنَّ لَهُ مَعِيْشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى.

"Dan barangsiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit, dan Kami akan

menghimpunkannya pada hari Kiamat dalam keadaan buta". (QS. TAHA, 20:124).

Firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*:

كَذَلِكَ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَآءِ مَا قَدْ سَبَقَ وَقَدْ ءَاتَيْنَاكَ مِنْ لَّدُنَّا ذِكْرًا . مَّنْ أَعْرَضَ عَنْهُ فَإِنَّهُ يَحْمِلُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وِزْرًا.

"Demikianlah Kami telah kisahkan kepadamu (Muhammad) sebahagian kisah umat yang telah lalu dan sesungguhnya telah Kami berikan kepadamu dari sisi Kami suatu peringatan (al-Quran). Barangsiapa yang berpaling daripada al-Quran, maka sesungguhnya ia akan memikul dosa yang besar dihari Kiamat, mereka kekal di dalam keadaan itu. Dan amat buruklah dosa itu sebagai beban bagi mereka dihari Kiamat". (QS. TAHA, 20:99-100).

Melalui dalil-dalil dari al-Quran dan hadis-hadis yang sahih yang tertera di dalam kutaiyib ini, jelaslah bahawa syariat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *sallalahu 'alaihi wa-sallam* telah menjelaskan perkara-perkara yang boleh membatalkan amal yang mana ianya boleh menyebabkan pembatalan akidah (iman).

Oleh itu sewajarnya orang-orang beriman mengetahuinya agar diselamatkan oleh Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* di dunia dan di akhirat.

وصلى الله على نبينا محمد وعلى آله وأصحابه ومن تبعه إلى يوم الدين ، والحمد لله رب العالمين ، والله أعلم.